

TOKOH LAMA BERKUASA DAN BERJASA, PEMIMPIN MUDA MENUNGGU MASA DAN KUASA

BERMULA bulan Jun hingga Julai depan, seluruh cawangan UMNO akan mulai sibuk dengan persiapan dan perancangan untuk mengadakan mesyuarat cawangan masing-masing. Memandangkan tahun ini tiada pertandingan di semua peringkat dari cawangan bahagian hingga ke Majlis Tertinggi maka "mood" dalam setiap mesyuarat boleh dikatakan agak biasa sahaja.

Bagi ahli-ahli UMNO yang mengidamkan jawatan tertinggi di peringkat cawangan, bahagian mahupun peringkat tertinggi bagi penggal 2007-2010, perancangan sudahpun mereka buat secara senyap-senyap. Ini semua adalah untuk memastikan jawatan yang diidam-idamkan itu dapat mereka miliki menjelang pemilihan.

Apa yang menarik, trend untuk memilih pemimpin atau tokoh UMNO didalam cawangan, bahagian mahupun diperingkat Majlis Tertinggi telah jauh berubah berbanding dengan cara ahli memilih pemimpin mereka dahulu. Zaman kini ada ahli-ahli UMNO yang merasa kan diri mereka berduit, mereka adalah kenalan Pak Menteri dan tokoh koprat dan merasakan diri mereka berpengaruh justeru mereka fikir mereka sudah layak menawarkan diri untuk memegang jawatan. Sebaliknya, pada zaman dulu, seseorang yang dilihat bersemangat, sanggup berkorban demi agama, bangsa dan negara dan tiada kepentingan diri lebih mudah diketengahkan oleh ahli-ahli UMNO untuk menjadi pemimpin mereka.



MASUK UMNO UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI

Sebenarnya UMNO memang mengalu-alukan golongan yang berduit, berpengaruh dan profesional untuk berada dalam UMNO untuk sama-sama memperjuangkan 'survival' bangsa Melayu. Tetapi yang sedihnya ada segelintir golongan-golongan seperti ini yang sering mengemil bil kesempatan untuk berada di dalam UMNO dan memegang jawatan-jawatan penting samada di peringkat cawangan mahupun bahagian semata-mata untuk kepentingan peribadi iaitu untuk membolot peluang-peluang perniagaan yang ada untuk meraih kekayaan.

Lebih membimbangkan, kewujudan ahli-ahli UMNO yang berkepentingan dan mempunyai agenda yang tersembunyi ini adalah sebahagiannya terdiri dari kalangan ahli-ahli UMNO generasi muda yang begitu 'ambitious' serta tidak sabar menunggu masa untuk mewarisi mahupun "merampas" tampok kepimpinan UMNO diperingkat cawangan, bahagian mahupun Majlis Tertinggi.

Perkembangan yang membabitkan ahli-ahli UMNO generasi muda yang 'ambitious' ini sebenarnya tidak memeranjatkan kerana mereka ini sukar untuk menjwai perjuangan UMNO kerana tidak melalui zaman kepayahan seperti pemimpin-pemimpin UMNO terdahulu yang menyertai UMNO atas dorongan untuk berjasa dan berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanah air. Selain itu generasi muda UMNO sekarang ini berada dalam keadaan selesa lebih berpendidikan dan belum teruji keupayaan mereka.

KUASA MEMPENGARUHI GENERASI MUDA UMNO

Apa yang boleh memburukkan keadaan lagi ialah generasi muda didalam UMNO kini kebanyakannya mempunyai satu mentaliti iaitu "aku generasi pewaris kuasa". Tanggapan inilah yang membuatkan generasi muda ini sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan peribadi tanpa memikirkan masa depan dan kepentingan bangsa Melayu. Mereka-mereka ini seplah-olah beranggapan bahawa kekuasaan yang dimiliki dan dipegang oleh pemimpin pada masa ini, bakal diwarisi mereka secara langsung.

Ini tentunya berbeza dengan apa yang dialami oleh pemimpin-pemimpin UMNO terdahulu seperti Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mana mereka terbabit secara langsung mencapai

Generasi pelapis UMNO tiada hala tuju sebenar dalam membela nasib orang Melayu jika terlalu asyik dengan keselesaan dan kemewahan

kekuasaan, berbanding dengan generasi kini yang tidak sabar-sabar menunggu untuk memperoleh kekuasaan. Dengan kata lain, pemikiran "menunggu masa" yang menguasai pemimpin-pemimpin generasi muda UMNO ini hanya akan melemahkan UMNO di masa hadapan kerana elemen cabaran dan semangat juang dalam proses kehidupan itu sudah tiada.

Sikap tamak dan rakus dalam merebut jawatan dan sanggup menggadaikan kepentingan agama, bangsa dan negara dengan menolong bangsa lain hanya untuk mendapatkan kekayaan telah juga menyebabkan tahap penghargaan generasi muda UMNO, ini terhadap pentingnya semangat pengorbanan, bersatu mendepani cabaran setinggi mana seperti yang dirasakan generasi awal UMNO yang memulakan perjuangan

HAYATI PERJUANGAN UMNO YANG SEBENAR

Generasi muda UMNO harus ingat bahawa, UMNO ditubuhkan dengan kesedaran yang tinggi untuk menjaga kepentingan orang Melayu keseluruhannya dan bukannya diri sendiri. Penubuhan UMNO juga memperlihatkan suatu perkara penting yang mana UMNO diberi tugas besar iaitu menjaga, membela dan memperjuangkan kepentingan orang Melayu di tanahair sendiri.

Petikan ucapan pertama Datuk Onn



DATUK ONN JAAFAR

PETIKAN ucapan Datuk Onn Jaafar selepas UMNO rasmi ditubuhkan. Ucapan ini disampaikan pada pukul 3.15 petang di Istana Besar, Johor Bahru.

"Tanganlah kiranya hendak mengejar pangkat sahaja dengan membelakangkan bangsanya kerana dengan malangnya saya bercakap iaitu di Tanah Melayu ini ada orang yang rupa Melayu, berkulit Melayu dan sejalanya Melayu tetapi dukacita, disebutkan 'hatinya bukan Melayu'."

"Alangkah malangnya, ada beberapa orang Melayu yang tidak mengikut kerana kononnya segan kepada orang asing tetapi tidak segan kepada bangsanya sendiri."

"Saya tahu ada berbunyi pihak yang tidak menyebelah pada Melayu hendak memberitahu kepada dunia bahawa bantahan-bantahan daripada kita itu bukan bantahan rakyat tetapi raja. Kita nafikan itu kepada dunia yang menuntut hak bukan raja, melainkan rakyat."

"Ada dua tempat orang Melayu hendak bertenggek, satu kepada jiran, satu kepada musuh Melayu."

"Jika belum ada persatuan kebangsaan dan tanah air dan semata-mata kerana dirinya sendiri diminta supaya orang itu berfikir panjang dan bertabiatlah. Masalah ke dalam persatuan-persatuan dan bersatulah."

"Saya berharap dalam masa yang sedikit lagi jadi satu tujuan, kerana itu mustahak menunjukkan persatuan yang padu bukan sahaja persatuan antara raja dengan rakyat tetapi rakyat dengan raja."

"Selamat belayar Kongres dan Selamat Datang Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu."

Petikan ucapan pertama Dato' Onn yang harus semua ahli UMNO mengambil iktibar

Seperkara lagi, akibat daripada tarikan kemewahan dan keselesaan hidup lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan bangsa Melayu itu sendiri, maka UMNO bakal melahirkan pemimpin pelapis yang lemah dari segi kejiwaannya. Ini sudah tentu mengundang padah kepada UMNO di masa hadapan. Perkara ini boleh berlaku apabila golongan muda UMNO ini sudah biasa dengan kekayaan dan terpaksa mempertahankan taraf sosialnya dan kedudukannya yang tinggi itu, mengamalkan cara hidup yang tidak amanah, tiada kejujuran dan sanggup menggadaikan maruah diri dengan terbabit dalam kegiatan melanggar batas agama dan undang-undang hanya untuk terus merebut kekayaan.

Pemimpin generasi muda UMNO harus insaf bahawa dalam menghadapi cabaran masa depan, UMNO tidak boleh merasa terlalu selamat dari segi politik kerana ia merupakan parti yang memerintah. Sesuatu yang perlu difikirkan ialah bagaimana kalau UMNO tidak lagi menjadi pemerintah. Oleh itu, generasi muda UMNO diingatkan agar jangan masuk UMNO untuk kepentingan diri tetapi ingatlah tentang survival orang Melayu di masa

hadapan. Kerana sikap segelintir generasi muda UMNO ini yang masuk UMNO untuk mendapatkan projek atau kerana mahu mengenal pemimpin yang berkuasa untuk mendapat pengiktirafan dan kedudukan maka UMNO telah mendapat tanggapan buruk dari setengah-setengah pihak.

BUDAYA MENKRITIK SUDAH TIADA

Selain mengejar kekayaan dalam UMNO, generasi muda UMNO yang mempunyai mentaliti "aku generasi pewaris kuasa" ini juga dilihat tidak boleh ditegur ataupun dikritik langsung lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai jawatan yang tinggi dalam parti serta mempunyai pengaruh. Sesiapa yang mengkritik mereka-mereka ini pasti akan menerima padahnya. Jika yang mengkritik itu adalah seorang peniaga maka peluang-peluang perniagaan mereka akan ditutup dan bagi mereka yang berjanji di dalam parti mahupun Kerajaan pasti kedudukan jawatan mereka tidak kekal lama. Begitulah hebatnya pemimpin masa depan UMNO yang langsung tidak boleh diusik dan disentuh walaupun untuk kebaikan mereka.

Generasi muda UMNO harus bersikap terbuka terhadap sesuatu kritikan yang dibuat terhadap mereka. Kritikan ialah budaya tegur menegur dan nasihat menasihati bagi mencari kebaikan dan mencapai kesempurnaan. Perlu diingat bahawa tanpa kritikan, sesuatu tindakan yang dilakukan oleh generasi muda UMNO iaitu untuk memperjuangkan dan membela nasib bangsa Melayu.

KUASA YANG ADA BUKAN JAMINAN UNTUK MEMERINTAH

Apa yang mungkin berlaku kepada generasi muda UMNO di masa hadapan ialah ahli-ahli UMNO lebih gemar mendiamkan diri daripada menyatakan pandangan dan pemikiran yang jujur hanya kerana ingin menjaga hati ketua atau tidak ingin mengheruk keadaan. Maka apabila ahli-ahli UMNO sudah mula berada dalam ketakutan untuk menyatakan pandangan yang difikir kan baik dan benar, maka pada saat itu UMNO tidak lagi bersifat demokratik dan tiada lagi nilai-nilai kemesraan, keterbukaan sikap serta tiada lagi keluhuran prinsip kebenaran serta keadilan dalam UMNO.

Hakikatnya, generasi muda UMNO sebagai generasi pelapis dalam sejarah perjalanan perjuangan bangsa adalah generasi penentu kepada masa depan orang-orang Melayu. Generasi muda UMNO perlu insaf bahawa di tanah air inilah orang-orang Melayu terus terbelah nasib mereka serta mendapat keistime waan.

Ini semua adalah diwarisi daripada perjuangan dan pengorbanan pemimpin terdahulu yang sudah cukup menderita berkorban untuk generasi yang ada sekarang dan untuk generasi yang akan datang. Oleh itu, generasi muda UMNO perlulah insaf dan janganlah dipergadai dan musnahkan nasib dan masa depan orang Melayu hanya kerana kekayaan dan kuasa yang ada di tangan mereka.

Generasi muda UMNO janganlah mengambil mudah hanya kerana UMNO memerintah sekarang dan kuasa ada pada orang Melayu. Perlu diingat juga bahawa UMNO bersifat demokrasi dan perlembagaan negara ini juga jelas menyatakan sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri jika mendapat perkenan Yang di Pertuan Agong.

Pada masa ini yang wujud adalah persefahaman bahawa Perdana Menteri adalah orang Melayu. Tetapi persoalannya Perlembagaan negara adalah luhur dan menjadi rujukan dan pegangan semua kaum di negara ini.

Jika generasi muda UMNO gagal mempertahankan apa yang telah diperjuangkan oleh pemimpin UMNO terdahulu, keistime waan dan hak-hak orang Melayu tidak mungkin dapat diwarisi seterusnya oleh generasi UMNO dan Melayu di masa akan datang, malah mungkin akan rebah di tengah persimpangan perjalanan sejarahnya.